

Bagi menyelia aktiviti Lynas

# UMP pantau data AMS

UM (H11) Rebu 11/9/17 m 26

Oleh SHAHRINNAH LATIB  
nahar.latib@utusan.com.my

**KUANTAN** 10 Sept. - Universiti Malaysia Pahang (UMP) diberi tanggungjawab membuat penyelidikan dan analisis terhadap data yang akan diperoleh daripada Aerosol Monitoring System (AMS) yang dipasang di daerah ini bagi memantau aktiviti kilang Lynas Malaysia Sdn. Bhd. (Lynas).

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, dua unit AMS yang terletak di pekarangan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuantan dan tapak kilang tersebut akan dipantau serta dioperasi UMP.

Menurut beliau, selain itu, data yang diperoleh UMP akan dianalisis dan keputusannya akan digunakan bersama pihak Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) bagi tujuan kawal seliaan sinaran.

"AELB melihat UMP berupaya memainkan peranan penting dalam

**AELB melihat UMP berupaya memainkan peranan penting dalam memastikan data diperoleh daripada AMS ini adalah bebas kerana merupakan sebuah institusi pengajian tinggi awam**

**ABU BAKAR MOHAMAD DIAH**  
Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

memastikan data diperoleh daripada AMS ini adalah bebas kerana merupakan sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA)," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara UMP dan AELB di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sultan Ahmad Shah (SASICC) di sini semalam.

Yang hadir sama, Pengerusi AELB, Prof. Datuk Dr. Sukiman Sarmani; Ketua Pengarah AELB, Datuk Raja Abdul Aziz Raja Adnan dan

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Dr. Abu Bakar berkata, MoU itu akan memantap serta meningkatkan kepercayaan awam terhadap data diperoleh AMS yang memantau tahap sinaran persekitaran daripada aktiviti syarikat Lynas.

Dalam pada itu, Raja Abdul Aziz berkata, AELB akan mengambil peluang dengan kerjasama itu meningkatkan kecekapan para pegawai dengan menghantar mereka mengikuti program sarjana serta doktor falsafah di UMP.

"Kerjasama antara AELB dan UMP ini tidak terhad kepada pertukaran maklumat teknikal dalam isu Lynas sahaja tetapi boleh dikembangkan melalui bidang lain seperti keselamatan penggunaan teknologi sinaran di Malaysia.

"Saya berharap melalui MoU itu berserta membuat kajian serta penyelidikan dalam peningkatan prestasi kawal seliaan keselamatan sinaran di negara ini," katanya.

Bagi Daing Nasir pula, menerusi MoU itu para penuntut dan kakitangan UMP akan mengadakan penyelidikan dari semasa ke semasa serta melaksanakan program kesedaran awam menerusi bidang keselamatan sinaran.

"UMP terpujinya membuat kajian lebih mendalam dan seterusnya menyampaikan maklumat sahih, benar dan tepat untuk kepentingan masyarakat awam supaya mereka tidak dikelirukan oleh sumber-sumber lain yang diragui kebenarannya," katanya.



**RAJA Abdul Aziz Raja Adnan (kiri) bertukar dokumen dengan Daing Nasir Ibrahim (kanan) sambil diperhatikan Abu Bakar Mohamad Diah (dua kiri) pada Majlis MOU antara UMP dan AELB di SASICC, Kuantan, Pahang, kelmarin.**